

08 APR 1997

Mahathir-Teluk

ASIA BARAT HARUS PANDANG KE TIMUR DAN JANGAN HIRAU KRITIKAN BARAT:20MAHATHIR

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA (BAHRAIN), 8 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak negara-negara Teluk "Pandang Ke Timur" dan bekerjasama dengan rantau Asia Timur, terutama Asean, untuk melahirkan Asia Baru yang maju.

"Asia Barat hendaklah bertekad menjadi sebahagian daripada kebangkitan Asia Baru yang diinisiatifkan oleh negara-negara Asia Timur," katanya.

Katanya, Asia Barat sepatutnya tidak memperdulikan kritikan Barat terhadap Asia Timur dan sebaliknya "Pandang Ke Timur" dan bekerjasama dengan rantau itu, terutama Asean, kerana hanya menerusi kerjasama itu boleh pembaharuan Asia boleh menjadi kenyataan.

Walaupun banyak keuntungan boleh diperolehi dari dunia lama Eropah dan Amerika Utara yang kaya dan matang, negara-negara Asia Barat akan melakukan satu kesilapan jika hanya melihat ke arah Barat untuk mencari kemewahan dan kepakaran, katanya dalam uaputama pada Persidangan Tahunan Kelima Forum Ekonomi Teluk di sini.

"Pandang Ke Timur ... Malaysia memandang ke Timur tanpa berhenti daripada memandang ke Barat dan kita telah memperolehi manfaat daripadanya. Penduduk Asia Barat tidak akan rugi dengan memandang ke Timur tetapi tentunya saudara akan memperolehi keuntungan demi keuntungan, kata Perdana Menteri.

Kata Dr Mahathir, dalam tahun ini tujuh daripada ekonomi terpesat dunia datang dari Asia Timur dan Asean mahukan negara-negara Asia Barat bersama-sama dengan Asean dalam membentuk masa depan yang dinamik.

"Saudara mempunyai kepentingan utama untuk bersama-sama dengan kami, dengan memperolehi kejayaan daripada rantau pembangunan ekonomi yang dinamik," katanya dan menambah kata Asia dalam Kurun ke-21 akan menjadi rantau ekonomi terbesar di dunia, lebih besar dari Eropah Barat dan Amerika Utara.

Katanya Asia akan bangkit dan menjadi penjajah seperti pada zaman silam tetapi kali ini sebagai kuasa ekonomi yang dapat menjadi pengimbang antara Eropah dan Amerika.

Kata Perdana Menteri pada Kurun Ke-19, apabila Eropah berkembang sebanyak tiga peratus bagi satu-satu masa, ia dipanggil Revolusi Perindustrian. Sejak 50 tahun lepas, negara-negara ekonomi utama di Timur dari Jepun ke Indonesia, sebuah negara Islam terbesar di dunia, terus meningkat antara dua dan tiga kali lebih pantas.

"Kebangkitan Asia telah bermula dengan bersungguh-sungguh, tetapi kepentingan Asia tidak terletak pada Zaman Asia atau dalam kurun Asia. Asia tidak akan angkuh, dominan atau cuba mencari pengaruh dan menguasai negara lain," kata Dr Mahathir.

Tidak memeranjatkan apabila para penulis dari Barat yang bersusah payah untuk memahami apa yang sedang berlaku menggelarkan kebangkitan Asia itu sebagai "Keajaiban Asia Timur", katanya dan menambah kata kejayaan itu sememangnya di luar dugaan dan amat menakjubkan.

"Kami bukan sahaja manusia, ataupun ekonomi ataupun negara, tetapi kata mereka kami adalah naga dan harimau," katanya.

Dr Mahathir berkata Asia Timur berjaya melenyapkan ramalan golongan yang meragui kemampuan Asia, dan yang nyata Asia Timur secara saksama mewah kerana secara kebetulan atau dirancangkan "mewahkan jiran anda menjadi falsafah Asia".

"Tetapi mengapa tidak harus Asia Timur berkongsi falsafah dan amalan

dengan bahagian lain dunia, terutamanya Asia Barat ... tentunya dengan berkongsi, Asia Timur akan bertambah kaya ketika Asia Barat lebih kaya daripada keadaan sekarang, hanya selepas itu baru zaman pembaharuan Asia selesai," katanya.

Bagaimanapun, katanya Asia tidak akan mencuba menguasai dunia, sebaliknya akan berusaha mengimbangi penguasaan Barat supaya lahir satu dunia yang lebih saksama, satu komanwel dunia dengan kekayaan dirasakan bersama dan tidak dikuasai negara-negara tertentu sahaja, katanya.

Mengenai Malaysia, Dr Mahathir berkata Malaysia yang ketika merdeka mempunyai pendapatan per kapita sebanyak AS\$227 berjaya meningkat kepada AS\$4,374 tahun lepas. Jika Malaysia berada dalam dunia Barat, ia berada di tempat ketiga di benua Amerika di belakang Amerika Syarikat dan Kanada.

Katanya dalam tempoh singkat 15 tahun, Malaysia berjaya muncul sebagai negara industri keempat di dunia dari segi saiz penduduk manakala dari segi peratusan keluaran barangan dalam pasaran eksport, Malaysia berada di tangga kelima di dunia.

Dalam 1980, hanya 24 peratus eksport Malaysia mengandungi barangan keluaran tetapi hari ini ia melompat kepada 82 peratus. Malaysia kini terpaksa mengimport getah dan timah untuk industrinya, komoditi yang satu ketika merupakan keluaran utamanya di dunia sebagai pengeluar dan pengeksport.

Dr Mahathir berkata kejayaan "keajaiban" Asia Timur bagi Malaysia dan bagi naga dan harimau lain di Asia Timur sememangnya agak luar biasa.

"Dalam keadaan tertentu, kami telah memperolehi kejayaan sebagaimana yang harus dicapai ... segala-galanya tanpa misteri, sebaliknya hasil daripada bekerja keras dan bertungkus lumus," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia yang majoriti penduduknya beragama islam bekerja kuat pada purata 2,288 jam, lebih kuat daripada orang Jepun, Yahudi (1,940 jam), Switzerland (1,879 jam) dan Jerman (1,704 jam).

Perdana Menteri yakin Asia Timur akan terus berkembang pesat walaupun golongan skeptik meramalkan kemajuan yang dicapai oleh Asia akan berakhir tidak lama lagi, terutama selepas melihat kejayaan Jepun tersekat pada awal 90-an.

"Saya tidak akan membicarakan panjang lebar mengenai apa yang difikirkan oleh skeptik terhadap masa depan Asia Barat dan bangsa Arab pada masa hadapan. Mereka tentunya berpuas hati kerana bangsa Arab sedang menghadapi masalah rumit yang pihak skeptik yakin tidak mungkin dapat diatasi oleh bangsa Arab.

"Kami tidak dapat menyatakan dengan mutlak mengenai kemakmuran berterusan Asia Timur, malapetaka boleh berlaku walau apapun yang dirancang oleh manusia," katanya.

"Bagaimanapun, ramalan pemikir-pemikir utama Barat nampaknya hanya satu keinginan semata-mata. Apa yang kami khuatiri ialah jika keinginan itu tidak menjadi kenyataan, peramal-peramal hari kiamat itu akan cuba berusaha memastikan ia tetap berlaku.

"Keangkuhan tidak boleh dipertahankan ... ia sentiasa berbahaya. Sifat kerendahan diri adalah sentiasa diperlukan. Ia rakan yang amat berguna dalam perjalanan hidup kita," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Bahrain selepas melakukan lawatan yang sama ke Kuwait.

-- BERNAMA

ARA AHH